

**Sesi Pendengaran Awam PSC Bermula Esok  
Bernama  
10 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Sesi pendengaran awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (PSC) bermula esok dan dijangka dihadiri beberapa wakil parti politik serta bekas presiden Majlis Peguam Datuk S Ambiga.

Pengerusi PSC Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata mereka merupakan antara 11 pihak yang akan hadir memberi cadangan dan pendapat berhubung penambahbaikan pilihan raya.

"Sesi pendengaran awam itu akan berlangsung esok dan Sabtu bermula 9.30 pagi hingga 5.30 petang. Kita masih menerima senarai pihak-pihak yang ingin mengambil bahagian dan jika tidak sempat dihabiskan esok, kita akan bawa pada Sabtu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kali keempat PSC di Parlimen Khamis.

Selain Ambiga, yang lain adalah dari Majlis Belia Selangor, Transparency International, Persatuan Bekas-bekas Polis dan beberapa individu.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata PSC mengatitkan enam sesi pendengaran awam mengikut wilayah di seluruh negara bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan.

Maximus berkata sesi pendengaran awam akan dijalankan mengikut tatacara persidangan Parlimen dan kesemua yang mengambil bahagian adalah tertakluk kepada peraturan mesyuarat.

"Mereka diberi masa antara 10 hingga 20 minit bagi menyampaikan cadangan masing-masing," katanya.

Mengenai mesyuarat hari ini, Maximus berkata ia turut melibatkan wakil Suruhanjaya Pilihan Raya, manakala wakil Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara dipanggil sebagai saksi bagi memberi maklumat dan penjelasan tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh anggota jawatankuasa.

"Bagi mesyuarat minggu depan kita akan menjemput Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail bagi meminta pandangan daripada aspek perundangan, peraturan dan perihal berkaitan perlembagaan," katanya.

Maximus juga berkata, sembilan anggota PSC telah dibahagikan kepada lima kumpulan yang bertanggungjawab meneliti perkara-perkara spesifik berhubung penambahbaikan pilihan raya bagi membolehkan PSC menyediakan laporan lebih awal.

Pasukan yang akan meneliti hal ehwal perundangan dan peraturan pilihan raya diketuai oleh Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad dan dibantu oleh Wee Choo Keong; mengkaji proses pilihan raya dan meneliti input daripada rakyat serta pandangan dari Parlimen (Azmin Ali dibantu P Kamalanathan).

Usaha menambah baik proses pilihan raya (Maximus dibantu Anthony Loke); usaha mengukuhkan SPR (Tan Sri Dr Fong Chan Onn dibantu Dr Hatta Ramli); manakala Wee

dibantu Datuk Alexander Nanta Linggi akan mengkaji sistem alternatif pilihan raya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=625979>